

**PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM SHEILDS MENGGUNAKAN
PENDEKATAN PRA DAN PASCA PROGRAM**
(*Assessing The Effectiveness of SHIELDS Program Using Pre-Post Test*)

Rozmi Ismail¹, Noh Amit², Norhayati Ibrahim², Mohd Ajib Abdul Razak¹, Mohd Nasir
Selamat¹, Noordeyana Tambi¹, Nor Azri Ahmad³ & Nurul Shafini Shafuridin¹

Pusat Psikologi dan Kesejahteraan Manusia Fakulti Sanis Sosial dan Kemanusiaan¹,
Fakulti Sains Kesihatan² Universiti Kebangsaan Malaysia
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)³

Corresponding author: rozmi@ukm.edu.my

ABSTRAK

Susulan kemerosotan disiplin dan peningkatan kes-kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah menganjurkan program ‘Sayangi Hidup, Elak Derita Selamanya’ (SHIELDS) bagi memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran kepada pelajar berisiko mengenai bahaya dadah, serta hukuman penyalahgunaannya. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan program ini dalam meningkatkan pengetahuan peserta mengenai dadah dan peningkatan daya tahan diri peserta untuk mengelakkan diri mereka daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kajian survey menggunakan reka bentuk *pre-post* dan *follow up* digunakan dalam kajian ini dan menggunakan set borang soal selidik yang merangkumi set soalan pra dan juga pasca program yang merangkumi aspek pengetahuan asas mengenai dadah, kesan negatif, tindakan pelajar sekiranya rakan mereka terlibat dengan dadah, pengetahuan mengenai cara pengedaran dadah, faktor risiko, sikap terhadap masa depan mereka, serta kesan yang wujud selepas mengikuti program ini. Seramai 559 pelajar sekolah menengah daripada daerah-daerah terpilih di Semenanjung Malaysia telah terlibat dengan kajian ini. Hasil dapatan kajian ini yang dianalisis secara deskriptif menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek pengetahuan kesan pengambilan dadah, pengetahuan aktiviti berkaitan dadah, pengetahuan tentang cara pengedaran dadah, serta menunjukkan peningkatan sikap terhadap masa depan dan matlamat hidup. Dapatan kajian ini mampu memberikan input berguna kepada pihak AADK dan KPM bagi tujuan penambahbaikan program, serta intervensi dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar di sekolah khususnya.

Kata kunci: Keberkesanan SHIELDS, Penyalahgunaan Dadah, Remaja Berisiko